

**R**inggit susut ke paras terendah dalam tempoh lebih sembilan bulan pada sesi penutup semalam susulan kemenangan mengejut Donald Trump pada Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS), kata seorang peniaga.

Pada jam 6 petang, unit tempatan diniagakan pada 4.2700/2790 berbanding dolar AS daripada 4.2240/2300 pada Rabu.

Peniaga itu berkata, unit tempatan jatuh ke paras terendahnya apabila harga bon kerajaan menurun.

Beliau berkata, sentimen ke arah mata wang Asia, termasuk ringgit kekal lemah dan tidak dijangka pulih dengan segera.

Unit tempatan turun berbanding dolar Singapura kepada 3.0409/0495 daripada 3.0345/0392 dan berbanding pound British, ia susut kepada 5.2905/2030 daripada 5.2340/2427 kelmarin.

Berbanding yen, ringgit meningkat kepada 4.0207/0307 daripada 4.0808/0877 dan berbanding euro ia menokok kepada 4.6505/6624 daripada 4.6679/6754.